

Banjir lumpur jejas operasi

SERIKEMBANGAN - Gara-gara berlaku limpahan air hujan bercampur tanah, operasi empat kilang di Jalan Taming 11, Pusat Industri Taming Mas terpaksa dihentikan sementara Sabtu lalu berikutan pengusaha bimbang air lumpur masuk ke dalam bangunan.

Eksekutif di sebuah kilang pembuatan makanan sejuk beku, Kenny Cheng, 29, berkata hujan lebat melanda kawasan itu pada petang Jumaat dan Sabtu lalu.

Namun pada hari kedua keadaan menjadi teruk apabila air hujan mengalir deras bersama lumpur serta pasir dari runtuh cerun kira-kira 100 meter dari bangunan kilang.

"Air naik hingga paras 0.3 meter. Operasi kilang terjejas selama beberapa jam sebab pekerja perlu bersihkan. Keadaan paling teruk di kilang kami kerana terletak di kawasan rendah," katanya.

Sementara itu, Adun Balakong, Eddie Ng Tien Chee berkata, pihaknya menerima aduan pada jam 3.30 petang, Sabtu lalu.



Eddie Ng (kanan) melihat hakisan tanah yang didakwa menjadi punca banjir lumpur.

Siasatan mendapati hujan lebat dan hakisan tanah di kawasan cerun menyebabkan jalan utama dan kawasan parkir kilang tersebut dipenuhi pasir dan lumpur.

Katanya, beliau dimaklumkan hakisan tanah di cerun berlaku sejak dua tahun lalu dan semakin merebak apabila hujan lebat kebelakangan ini.

Menurutnya, Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) akan mengenal pasti pemilik tanah berhampiran kilang, dan ia tidak akan mengambil masa



KENNY CHENG

lama kerana pernah ada permohonan untuk pembangunan di kawasan bercerun itu.

"Majlis akan keluar notis kepada pemilik kerana didapati hakisan yang berlaku di tanah milik mereka menyebabkan banjir lumpur," katanya.